



**MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
17500 TANAH MERAH,
KELANTAN**

No. Tel: 09-9556023 / 09-9556026

Web : <https://mdtanahmerah.kelantan.gov.my>

Email : mdtm@kelantan.gov.my

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN SEMPENA KELANTANKU BERSIH
TAHUN 2022 PERINGKAT MAJLIS DAERAH TANAH MERAH**

KATEGORI PERTANDINGAN

PERTANDINGAN TAMAN PERUMAHAN TERBERSIH DI JAJAHAN TANAH MERAH
JUMLAH UNIT RUMAH :.....

PERTANDINGAN PREMIS MAKANAN TERBERSIH DI JAJAHAN TANAH MERAH

PERTANDINGAN MEREKABENTUK RUMAH SAMPAH BERKONSEP MESRA
PENGGUNA DAN BERSIH (TERBUKA MALAYSIA)

MAKLUMAT PESERTA

(Sila isi maklumat yang berkenaan sahaja)

NAMA PESERTA / :
TAMAN

NO KAD PENGENALAN :

NAMA SYARIKAT (SSM) :
/ NO PENDAFTARAN PERSATUAN

NO TELEFON :
(P.I.C)

ALAMAT SURAT :
MENYURAT

EMEL (JIKA ADA) :

Tandatangan : Tarikh :

Nama :

SYARAT-SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN :

1. PERTANDINGAN TAMAN PERUMAHAN TERBERSIH DI JAJAHAN TANAH MERAH

- 1.1. Pertandingan ini terbuka kepada **semua taman perumahan di Tanah Merah.**
- 1.2. Penyertaan adalah **percuma.**
- 1.3. Setiap taman perumahan yang menyertai pertandingan hendaklah **melebihi 5 buah rumah dan keatas.**
- 1.4. Setiap penyertaan perlu menyediakan **laporan bergambar sekurang-kurang 3 muka surat.**
- 1.5. Taman perumahan yang **tempat pertama dan tempat kedua** akan dijadikan **Taman Angkat Majlis Daerah Tanah Merah** serta dipertandingkan diperingkat Negeri Kelantan.
- 1.6. MDTM **membuka borang penyertaan** kepada semua taman perumahan di Tanah Merah dan **tarikh tutup penyertaan** adalah **30 April 2022.**
- 1.7. Kriteria pertandingan ini mengambil kira kebersihan persekitaran, keceriaan taman, penglibatan penduduk, sudut kreativiti/hijau, aktiviti pengumpulan kitar semula, peratusan pembayaran cukai taksiran dll.
- 1.8. Sesi penilaian pemilihan oleh MDTM bermula **26 Jun 2022.**
- 1.9. Hadiah Pertandingan :

Tempat Pertama	- RM 2000.00 + Sijil Penghargaan
Tempat Kedua	- RM 1000.00 + Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	- RM 500.00 + Sijil Penghargaan
Saguhati	- RM 300.00 + Sijil Penghargaan

2. PERTANDINGAN PREMIS MAKANAN TERBERSIH DI JAJAHAN TANAH MERAH

- 2.1 Pertandingan ini terbuka kepada **semua premis makanan (kedai makan / restoran) di Tanah Merah** kecuali premis makanan rantaian (franchais).
- 2.2 Penyertaan adalah **percuma.**
- 2.3 Penyertaan adalah melibatkan premis makanan (kedai makan/restoran) yang mempunyai **lesen perniagaan MDTM.**
- 2.4 Premis makanan (kedai makan/restoran) yang **tempat pertama dan tempat kedua** akan dicalonkan dan dipertandingkan di peringkat Negeri Kelantan.
- 2.5 MDTM **membuka borang penyertaan** kepada **semua premis makanan (kedai makan / restoran) di Tanah Merah** kecuali premis makanan rantaian (franchais) di Tanah Merah dan **tarikh tutup penyertaan** adalah **30 April 2022.**
- 2.6 Kriteria pertandingan ini mengambil kira kebersihan premis dan tandas, penarafan gred premis, keceriaan premis, kreativiti konsep dan idea tersendiri, kawalan kesihatan dll.
- 2.7 Sesi penilaian (pengredan premis & penarafan bintang tandas) dan pemilihan oleh MDTM bermula **15 Jun 2022.**
- 2.8 Hadiah Pertandingan :

Tempat Pertama	- RM 1000.00 + Sijil Penghargaan
Tempat Kedua	- RM 700.00 + Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	- RM 500.00 + Sijil Penghargaan

3. PERTANDINGAN MEREKABENTUK RUMAH SAMPAH BERKONSEP MESRA PENGGUNA BAGI TONG KOMPAKTOR (TERBUKA MALAYSIA)

- 3.1 Pertandingan ini **terbuka kepada semua rakyat Malaysia.**
- 3.2 Penyertaan adalah **percuma.**
- 3.3 Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dan setiap penyertaan hanya **layak untuk menerima satu hadiah sahaja.**
- 3.4 Hasil reka bentuk yang dihantar adalah menjadi **hakmilik Majlis Daerah Tanah Merah** dan tidak boleh dituntut oleh peserta.
- 3.5 Lukisan reka bentuk hendaklah disediakan melalui **(5) pandangan** iaitu pandangan atas, pandangan sisi kiri, pandangan sisi kanan, pandangan belakang dan perspektif (dalam lukisan 3D)
- 3.6 Lukisan reka bentuk hendaklah disertakan **ukuran dimensi dan spesifikasi bahan binaan beserta warna cadangan.**
- 3.7 Lukisan reka bentuk hendaklah disediakan menggunakan **kertas putih bersaiz A3** sama ada dalam bentuk grafik komputer atau lukisan tangan.
- 3.8 Satu **penerangan atau penjelasan** berkenaan konsep idea reka bentuk dan warna yang digunakan hendaklah disediakan dalam satu kertas putih bersaiz A4.
- 3.9 Semua lukisan cadangan dan teks penerangan reka bentuk juga hendaklah disediakan dalam bentuk **"softcopy" menggunakan JPEG atau PDF.**
- 3.10 Tarikh tutup penyertaan pada **30 Jun 2022 sebelum jam 3.00 petang.**
- 3.11 Hadiah Pertandingan :

Tempat Pertama	- RM 2000.00 + Sijil Penghargaan
Tempat Kedua	- RM 1000.00 + Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	- RM 500.00 + Sijil Penghargaan

CARA PENYERTAAN

1. Penyertaan hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang Penyertaan boleh dapati di kaunter khidmat pelanggan, MDTM atau boleh dimuat turun melalui :

Laman Facebook : Majlis Daerah Tanah Merah

Laman Web Rasmi MDTM : <https://mdtanahmerah.kelantan.gov.my>

2. Borang penyertaan dan dokumen yang telah lengkap hendaklah di alamatkan kepada:

**URUSETIA PERTANDINGAN KELANTANKU BERSIH
PERINGKAT MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
BAHAGIAN PELESENAN DAN KESIHATAN AWAM,
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH,
17500 TANAH MERAH,
KELANTAN.**

3. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urusetia **Bahagian Pelesenan Dan Kesihatan Awam, MDTM** di talian **09-9556023 / 09-9556026** smbg : **110.**